

**18/09/2014 - Majlis Amanat Ketua Setiausaha Negara  
Bersama Peserta Kursus Diploma Pengurusan Awam**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Yang Dihormati Saudara dan Saudari Pengacara Majlis,

**YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal**

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,

**YBhg. Dato' Dr. Sharifah Zarah Syed Ahmad**

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan),

**YBhg. Dato' Seri Zainal Rahim Seman**

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi),

**YBhg. Dato' Dr. Mazlan Yusoff**

Pengarah Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN),

Yang Berhormat dan Yang Berbahagia Tan Sri-Tan Sri, Dato' Sri-Dato' Sri, Datuk-Datuk, Ketua Setiausaha Kementerian dan Setiausaha Kerajaan Negeri,

Pengarah-Pengarah Bahagian, Jabatan Perkhidmatan Awam,

Pegawai-pegawai Kanan Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN),

Wakil-wakil Jabatan yang terlibat dengan pelaksanaan modul Kursus Diploma Pengurusan Awam Bil. 1/2014,

Penghulu Kampus INTURA, INTIM dan IKWAS Diploma Pengurusan Awam Bil. 1/2014, serta saudara dan saudari para peserta Kursus Diploma Pengurusan Awam (DPA) Bil. 1/2014 Siri Ke-45 sekalian.

## **PENDAHULUAN**

1. Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana atas rahmat dan inayah-Nya jua maka dapat kita hadir di Majlis Makan Malam Bersama Peserta Kursus DPA 2014 ini.
2. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) atas penganjuran Majlis Makan Malam ini yang memberikan kesempatan kepada saya untuk beramah mesra bersama barisan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) Muda yang akan menamatkan kursus DPA pada 25 September nanti.

3. Saya difahamkan bahawa Majlis Makan Malam ini disertai oleh seramai 543 orang peserta kursus DPA daripada ketiga-tiga buah cawangan INTAN iaitu INTURA, IKWAS dan INTIM. Setinggi-tinggi tahniah saya ucapkan kepada anda semua kerana telah berjaya mengharungi perjalanan kursus selama hampir tujuh bulan bermula pada 23 Februari lalu.
4. Saya percaya dan yakin bahawa saudara-saudari telah menimba banyak pengalaman menarik sepanjang kursus DPA yang boleh membantu saudara-saudari menjadi pemimpin sektor perkhidmatan awam masa depan kelak.

## **MEWARISI TRADISI, MENCIPTA LEGASI**

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. Skim perkhidmatan PTD merupakan perkhidmatan *premier* dalam pentadbiran negara kita. Sehubungan dengan itu, adalah penting untuk kita terus memelihara tradisi yang telah dibina dan memastikan institusi PTD terus relevan dan dihormati. Ini memerlukan kita mengkaji akan keperluan rakyat masa kini dan menyesuaikan diri kita selaras dengan memenuhi keperluan rakyat.

## **TRANSFORMASI PERKHIDMATAN AWAM**

6. Landskap perkhidmatan awam negara pada masa dulu dan kini adalah amat jauh berbeza sekali. Perbezaan ini sesuatu yang kita tidak dapat elakkan, dan apa yang pasti **perkhidmatan awam akan terus berevolusi** sejajar dengan tuntutan dan kehendak kepimpinan serta rakyat dari semasa ke semasa. **Cabaran yang dihadapi Kerajaan** pada masa ini terdiri daripada **dua perspektif. Pertamanya**, kita berhadapan dengan **rakyat yang lebih berpengetahuan, lebih vokal dan berani untuk menyuarakan pandangan** mereka dengan terbuka. **Keduanya**, kehadiran **media sosial** membolehkan penyaluran dan penerimaan maklumat dengan lebih pantas tanpa dibatasi dengan keperluan mensahihkan maklumat-maklumat terbabit.
7. Kedua-dua cabaran ini memerlukan kita **sebagai penjawat awam untuk memiliki ciri-ciri dan kompetensi tertentu** dalam melaksanakan tugas kita dengan lebih efektif dan efisien seterusnya membolehkan kita memikul tanggungjawab di peringkat pengurusan tertinggi.
8. Saya ingin menyimpulkan **kompetensi-kompetensi** tersebut menerusi akronim **I-FAME**.
- **'I' iaitu ability to influence**, membawa maksud keupayaan untuk mempengaruhi atau meyakinkan kumpulan sasaran atau stakeholders ke arah mencapai kata sepakat dalam penyelesaian sesuatu isu. Dalam memastikan sokongan

rakyat terhadap dasar yang digubal, kita memerlukan kemahiran untuk mempengaruhi dan meyakinkan mereka.

- **'F' pula merujuk kepada finesse.** Menerusi pengamatan dan pengalaman saya, penjawat awam yang berupaya memikul tanggungjawab dan peranan di peringkat pengurusan tertinggi memerlukan kepada **finesse**, iaitu **gabungan kemahiran dan kebijaksanaan dalam menangani sesuatu keadaan atau isu dengan mengambil kira pelbagai implikasi kepada kerajaan dan stakeholders.**
- **'A' bermaksud analytical and creative thinking.** Sebagai penjawat awam yang dipertanggungjawabkan untuk menggubal dan melaksanakan dasar dengan jayanya, kita perlu mempunyai keupayaan untuk berfikir secara kritikal terhadap sesuatu permasalahan atau isu. Disebalik kekangan yang dihadapi samada dalam bentuk sumber manusia atau kewangan, kita perlu mencari jalan penyelesaian secara kreatif.
- **'M' pula ialah ability to motivate** iaitu merujuk kepada keupayaan untuk memotivasikan ahli-ahli pasukan kita sama ada pegawai atau kumpulan pelaksana untuk mencapai objektif organisasi yang ditetapkan. Kejayaan kita bukanlah berpunca daripada usaha kita sendiri. Ia memerlukan sokongan dan usaha semua pihak yang terlibat terutamanya ahli pasukan kita. Sehubungan dengan itu, keupayaan kita

untuk memotivasikan dan memberikan inspirasi kepada pegawai-pegawai dibawah tanggungjawab kita adalah amat penting demi mencapai objektif yang ditetapkan.

- **'E' pula membawa maksud to empower**. Sebagai seorang ketua, kita perlu berkongsi maklumat, ganjaran dan memberikan kebenaran kepada pegawai bawahan serta kumpulan pelaksana untuk mengambil inisiatif dalam menyelesaikan sesuatu isu dan mempertingkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan awam.

## **KEJAYAAN SESUATU DASAR TERLETAK PADA PELAKSANAANNYA**

Hadirin yang dihormati sekalian,

9. Saya percaya kepada ungkapan oleh Henry Miller, "**One's destination is never a place, but a new way of seeing things**". Baru-baru ini dalam sesi lawatan kerja saya ke Singapura menghadiri *6<sup>th</sup> Joint Seminar and 37<sup>th</sup> Public Service Games for Malaysia and Singapore Public Sector Leaders 2014*, salah satu perkara yang menjadi topik perbincangan ialah **kepentingan elemen komunikasi yang telus (transparent) oleh pihak Kerajaan dalam penggubalan dan pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan.** Menggunakan ungkapan **policy formulation is policy implementation**, kedua-dua pihak percaya bahawa Kerajaan

perlu telus bukan sahaja dalam aspek *outcome* atau impak sesuatu dasar malahan turut telus dalam proses-proses yang terlibat. Perkara ini penting untuk mewujudkan kepercayaan rakyat atau *public trust* terhadap Kerajaan.

10. Di sinilah letaknya sebab utama mengapa Kerajaan menekankan aspek Komunikasi dan Musyawarah atau *Engagement*. Kedua-dua aspek ini penting bagi mendapatkan maklum balas, mendengar keluh kesah serta merasai denyut nadi rakyat selain daripada dapat menyalurkan maklumat yang tepat sepertimana yang diharapkan. Sebagai contoh, Kerajaan akan memperkenalkan GST pada April 2015. Dasar ini bertujuan untuk menambahbaik sistem pengutipan dan pengurusan hasil cukai demi pembangunan negara. Namun, sesetengah golongan masyarakat yang tidak memahami secara jelas mekanisma pelaksanaan GST telah mempunyai persepsi bahawa keadaan akan menjadi lebih membebankan dengan pengenalan GST. Disinilah terletak peranan penjawat awam untuk memperjelaskan dan membantu rakyat memahami dasar-dasar yang diperkenalkan oleh Kerajaan.

11. Di Singapura juga, saya melihat bahawa **pegawai-pegawai muda yang berkebolehan diberikan kepercayaan untuk memikul tanggungjawab di peringkat pengurusan pertengahan dan tinggi**. Sebenarnya pada awal tahun ini, saya telah pun bersetuju supaya JPA mengenalpasti **20**

**peratus daripada pegawai-pegawai muda skim PTD untuk dibangunkan menerusi laluan kerjaya *fast-track*** supaya perkhidmatan awam negara kita mempunyai kumpulan pegawai berpotensi dan berkaliber yang lebih ramai, untuk dipilih bagi mengisi kekosongan jawatan strategik. Ini juga akan dapat memastikan dasar-dasar kerajaan mampu dilaksanakan dengan jayanya oleh barisan kepimpinan perkhidmatan awam yang sentiasa dinamik.

Hadirin yang dihormati sekalian,

12. Pepatah Melayu menyatakan melentur buluh, biar daripada rebungunya. Begitu juga dalam aspek pengukuhan sifat integriti dalam diri penjawat awam. Ia perlu dimulakan pada peringkat awal. Oleh itu, saya menyeru saudara-saudari sekalian, yang akan memasuki perkhidmatan awam di peringkat permulaan, untuk sentiasa mendukung **nilai profesionalisme** pada tahap tertinggi.

13. Integriti bukan sekadar bermaksud menghindari daripada perlakuan rasuah dan salah guna kuasa yang melibatkan wang ringgit. **Integriti** juga perlu diterjemahkan dalam **pengurusan masa, penyampaian maklumat** serta **berkomunikasi** dengan ketua jabatan, rakan sekerja mahupun pelanggan. Sebarang tanggungjawab dan amanah kerja yang dibuat perlu dilakukan dengan penuh ketulusan hati dan berlandaskan kepada ajaran agama dan nilai-nilai moral.

## **KEJAYAAN AGENDATRANSFORMASI NEGARA DIDUKUNG OLEH KECEKAPAN PERKHIDMATAN AWAM**

14. Kejayaan Agensi Transformasi Negara adalah didukung oleh kecekapan perkhidmatan awam. Transformasi negara perlu diterjemahkan menerusi sektor perkhidmatan awam yang dinamik, yang dapat memenuhi keperluan rakyat semasa. Alhamdulillah, sehingga kini, sektor perkhidmatan awam negara tidak menghampakan Kerajaan. Bank Negara (BNM) telah mengumumkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia adalah sebanyak **6.4 peratus untuk suku kedua tahun** berbanding 6.2 peratus pada suku pertama tahun ini. Kedudukan negara dalam IMD World Competitiveness Yearbook bagi tahun 2014 juga telah meningkat ke kedudukan 12 berbanding tangga ke-15 pada tahun 2013. Pencapaian ini mencerminkan keadaan semasa ekonomi negara berada dalam landasan yang betul. Namun usaha berterusan daripada sektor awam dan swasta perlu ada bagi menjamin kesinambungan kejayaan ini. ***This initial success does not mean we have accomplished our mission. More needs to be done.***

### **PENUTUP**

Hadirin yang dikasihi sekalian,

15. Sebelum mengakhiri ucapan saya, sekalung tahniah diucapkan kepada INTAN dan seluruh warga kerjanya yang telah memastikan kelancaran dan kelangsungan Kursus DPA

2014. Pencapaian cemerlang yang dicipta saudara-saudari sepanjang Kursus DPA ini akan menjadi kayu pengukur bagi Pegawai PTD Muda generasi akan datang.

16. Ucapan penghargaan juga ditujukan kepada semua agensi awam yang telah menjadi rakan strategik INTAN dalam memberi latihan, tunjuk ajar serta komitmen tidak berbelah bahagi kepada peserta kursus DPA Bil. 1/2014 Siri Ke-45 ini.

17. Saya berharap anda semua yang berada di sini pada malam ini, akan sentiasa berusaha bekerja keras dan berbangga dapat berkhidmat untuk negara iaitu *to have a sense of pride in serving the nation*.

18. Akhir kata, tahniah sekali lagi saya ucapkan dan Selamat Maju Jaya.

Sekian. Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.